



## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YBrs. DR. FAZIDAH BINTI ABU BAKAR  
TIMBALAN KETUA PENGARAH (ICT) MAMPU**

**BAGI PROGRAM  
SEMINAR JAMINAN KUALITI SISTEM APLIKASI 2023  
MAMPU**

**Tarikh: 31 Oktober 2023 (Selasa)  
Lokasi: Dewan Armada, Marina Putrajaya**

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis

Bismillahirrahmanirrahim

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia Madani

Yang Berusaha Puan Nur Hidayah Binti Abdullah  
Pengarah, Bahagian Perundingan ICT, MAMPU

Yang Berusaha Puan Siti Sapura Binti Rafee  
Ketua Perunding ICT (Strategis), MAMPU

Pengarah Bahagian, Perunding-perunding ICT

Penceramah-penceramah Jemputan dan semua peserta.

Tuan-tuan dan puan-puan.

1. Terlebih dahulu marilah kita sama-sama melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan inayahNya Yang Berusaha tuan-tuan dan puan-puan semua diberi peluang berkumpul secara bersemuka bagi mengikuti **Seminar Jaminan Kualiti Sistem Aplikasi 2023, MAMPU. Pertama sekali saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua peserta di atas kerjasama melapangkan masa untuk hadir menjayakan sesi ini.**

2. Tahniah diucapkan kepada para peserta yang terpilih menghadiri Seminar ini. Saya dimaklumkan bahawa seminar kali ini mengkhususkan penyertaan kepada pegawai-pegawai ICT MAMPU dan agensi sektor awam **gred F48 dan ke atas** yang merupakan pegawai yang berpengalaman luas dalam pembangunan dan pengoperasian sistem aplikasi sektor awam.

3. Untuk makluman, peserta seminar kali ini dihadiri oleh **100 orang personel** yang terdiri daripada 65 orang peserta dari **23 Kementerian, 6 jabatan barisan hadapan**, pegawai-pegawai MAMPU, urusetia dan pempamer.

4. Seminar kali ini merupakan salah satu usaha untuk mendedahkan peserta dengan pengetahuan serta pemahaman berkenaan kepentingan jaminan kualiti sistem aplikasi bagi menghasilkan produk yang berkualiti dan berimpak tinggi. Seterusnya memastikan sistem aplikasi yang

dibangunkan di agensi adalah produk yang berkualiti, cekap dan efisien serta memenuhi ekspektasi pengguna.

### **Kepentingan Jaminan Kualiti Sistem Aplikasi – SQA**

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Jaminan Kualiti Sistem Aplikasi (SQA) adalah **proses yang menjamin** bahawa sistem aplikasi yang dibangunkan memenuhi dan mematuhi kualiti dan amalan terbaik yang ditetapkan serta mematuhi standard piawaian antarabangsa. SQA adalah proses yang perlu dilaksanakan secara rutin dalam kitaran hayat pembangunan sistem aplikasi bagi memastikan kualiti dan meningkatkan keyakinan pengguna.

6. MAMPU telah memberi tumpuan kepada inisiatif-inisiatif yang dapat **meningkatkan kualiti**, kecekapan, keberkesanan dan keutuhan penyampaian perkhidmatan awam kepada pengguna. Kesemua inisiatif ini meliputi bidang pembudayaan kualiti, pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan hubungan kerjasama serta perkongsian pintar antara sektor awam dan swasta. Usaha-usaha ini adalah perlu bagi memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan awam dalam memenuhi dan meningkatkan tahap kepuasan pengguna.

7. Seminar ini juga diadakan dalam usaha untuk **memberikan pendedahan** kepada pegawai-pegawai di agensi sektor awam mengenai inisiatif-inisiatif MAMPU berikatan jaminan kualiti dalam perkhidmatan digital yang disediakan.

8. Selain itu, seminar ini juga merupakan **satu platform mempelajari teknologi-teknologi terkini** dalam bidang pengujian sistem aplikasi.

### **Pelaksanaan Jaminan Kualiti Sistem Aplikasi Di MAMPU**

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. MAMPU telah menubuhkan Unit Jaminan Kualiti yang diberi nama Pusat Kecemerlangan Pengujian Perisian Sektor Awam (MyTCoE), ditempatkan di Bahagian Perundingan ICT, MAMPU pada tahun 2017. MyTCoE memberi tumpuan kepada perkhidmatan jaminan kualiti sistem aplikasi bagi memastikan proses pembangunan sistem aplikasi dan produk yang dibangunkan menepati standard yang ditetapkan dan memenuhi kehendak pengguna pada setiap fasa pembangunan sistem. MyTCoE memberikan khidmat perundingan dan khidmat nasihat kepada agensi sektor awam berkaitan amalan terbaik pengujian, jaminan kualiti dan pengujian prestasi sistem aplikasi.

10. Bagi membudayakan amalan kualiti ini dalam pembangunan sistem aplikasi sektor awam, **mulai pada tahun 2018** MAMPU telah melaksanakan program pembangunan kepakaran pembangunan sistem kepada personel ICT sektor awam melalui penganjuran bootcamp, seminar dan bengkel secara dalaman. Sehingga **Oktober 2023**, seramai **733 orang** Pegawai Teknologi Maklumat telah mengikuti program pembangunan kepakaran seperti bootcamp pengujian prestasi sistem aplikasi, bootcamp KRISA dan bootcamp penganggaran saiz dan kos pembangunan sistem (FPA).

## **PENUTUP**

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Saya berharap agar hasrat dan objektif seminar ini tercapai dan semua peserta akan memperoleh ilmu yang bermanfaat serta pemahaman yang mendalam berhubung jaminan kualiti sistem aplikasi dan menjadi amalan semasa pembangunan sistem aplikasi. Menanamkan prinsip dan amalan kualiti berdasarkan piawaian antarabangsa dalam pembangunan sistem sudah pasti akan mewujudkan sistem aplikasi yang berkualiti dan meningkatkan keyakinan pengguna.

15. Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua yang terlibat kerana komited menjayakan pelaksanaan Seminar Jaminan Kualiti Sistem Aplikasi 2023 dan meluangkan masa untuk menghadiri seminar ini bagi menimba ilmu berhubung keperluan membudayakan kualiti dalam pelaksanaan projek ICT sektor awam.

16. Dengan lafaz bismillah, **saya merasmikan Seminar Jaminan Kualiti Sistem Aplikasi Sektor Awam 2023, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).**

17. Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.

Disediakan Oleh:

Bahagian Perundingan ICT, MAMPU, 30 Oktober 2023

## Lampiran 1

Senarai penuh kehadiran

<b>Bil.</b>	<b>Nama Agensi</b>	<b>Bil. Peserta</b>
1.	KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (KPT)	2
2.	KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF)	2
3.	KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)	2
4.	KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN DIGITAL (KKD)	2
5.	KEMENTERIAN LUAR NEGERI (KLN)	2
6.	KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA (MINDEF)	2
7.	KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (KETSAs)	2
8.	KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)	2
9.	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP)	2
10.	KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)	2
11.	KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP	2
12.	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN MALAYSIA (MAFS)	2
13.	KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI	2
14.	KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR (KASA)	2

<b>Bil.</b>	<b>Nama Agensi</b>	<b>Bil. Peserta</b>
15.	KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)	2
16.	KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR)	2
17.	KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH	2
18.	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN (MOT)	2
19.	KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN	2
20.	KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)	2
21.	KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN	2
22.	KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)	2
23.	KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KSM)	2
24.	JABATAN PENGANGKUTAN JALAN	2
25.	JABATAN PERKHIDMATAN AWAM	2
26.	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA	2
27.	JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA	2
28.	POLIS DIRAJA MALAYSIA	2
29.	JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA	2
30.	MAMPU/ URUSETIA	23
31.	PEMPAMER	6